



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

“WANITA BANGKIT@KPWKM BERJAYA MEMPERKASA EKONOMI WANITA”

CYBERJAYA, 26 Feb – YB Hajah Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini merasmikan kursus bimbingan perniagaan bagi program MyKasih Kapital yang merupakan satu inisiatif di bawah **Program Wanita Bangkit@KWPKM**.

Dengan objektif untuk memperkasa ekonomi kumpulan sasaran dan meningkatkan taraf hidup mereka yang memerlukan bantuan segera kewangan melalui bantuan MyKasih Kapital, program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM ini telah berjaya membimbing dan membangunkan **seramai 17,250** wanita melalui kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi strategik pelbagai jabatan, agensi dan syarikat korporat.

Kursus bimbingan pada hari ini yang disertai oleh 300 peserta wanita terdiri daripada yang hilang pendapatan, pencari nafkah utama atau ibu tunggal ini adalah persediaan asas bagi golongan tersebut untuk mempersiapkan diri menceburi bidang keusahawanan. Peserta telah diberikan penerangan, taklimat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan Skim Keselamatan Pekerjaan Sendiri (SKPS) selain perkongsian daripada usahawan berjaya. Peserta juga berpeluang menghadiri sesi Kenali Potensi Diri dan diberi bimbingan untuk menggilap potensi diri.

Antara bidang yang boleh diceburi oleh peserta bagi memulakan perniagaan adalah seperti e-dagang, dropship, perniagaan kecil-kecilan yang bukan di bawah skim keusahawanan di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Peserta MyKasih Kapital akan dinilai, dipantau dan akan mengikuti kursus-kursus bersesuaian bagi mempersiapkan diri dalam menceburi bidang perniagaan.

KPWKM yakin pendekatan melalui kursus dan bimbingan seperti ini dapat mengoptimumkan potensi individu berdasarkan kemahiran mereka dan mewujudkan kelompok wanita berdikari dan berjaya dalam bidang perniagaan atau bekerja dalam sektor pekerjaan formal.

KPWKM juga komited untuk terus memartabatkan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi seiring dengan enam tunggak MADANI yang menyasarkan kepada agenda penyelesaian masalah, memenuhi keperluan semasa, mencorak masa depan dan memenuhi potensi rakyat dan negara.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

26 Februari 2023